

MOH bangun pangkalan data bagi tangani kencing manis

► **HASLEEN BACHIK**

hasleen@sph.com.sg

KEMENTERIAN Kesihatan (MOH) akan membangun Pangkalan Data Kencing Manis Nasional yang akan menyatukan data daripada pelbagai sumber berbeza.

Ini agar data tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya dalam usaha menentang dan menangani penyakit kronik tersebut dengan lebih baik.

Demikian diumumkan oleh Menteri Negara (Kesihatan merangkap Perhubungan dan Penerangan), Encik Chee Hong Tat, semasa membuka Kongres Kesihatan dan Bioperubatan Singapura (SHBC) 2016 anjuran kumpulan National Healthcare Group (NHG) di Max Atria @ Singapore Expo, kelmarin.

Buat masa ini, kata Encik Chee, terdapat banyak data mengenai penyakit kencing manis, namun ia terletak di beberapa tempat penyimpanan berbeza termasuk di MOH dan institut-institut kesihatan.

“Bukan sahaja data itu tidak saling berkait antara satu sama lain,

malah data di dalam setiap pangkalan juga agak berbeza-beza menjadikannya sukar untuk membuat perbandingan di antara pangkalan berlainan,” kata Encik Chee di hari pertama kongres dua hari yang berakhir semalam itu.

Tahun ini, kongres yang menyatukan lebih 2,500 delegasi bidang kesihatan dari dalam dan luar negara memberi tumpuan kepada tema *Menyatukan Sistem Penjagaan Kesihatan Berasas Hubungan Mampuan*.

Dalam acara kelmarin, Universiti Teknologi Nanyang (NTU) dan NHG turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk membuka dua pusat penyelidikan secara bersama bagi mencegah penyakit dan penyediaan khidmat penjagaan kesihatan.

Pusat Inovasi dan Penyelidikan Penjagaan Kesihatan Asas yang baru itu akan diterajui oleh kumpulan poliklinik National Healthcare Group Polyclinics (NHGP) dan Sekolah Perubatan Lee Kong Chian NTU (LKCMedicine) yang merupakan sekolah perubatan bersama antara NTU dengan Maktab Imperial London.

Ia akan memperkenalkan teknologi terkini dan kaedah kreatif dalam memberikan penjagaan asas perubahan keluarga yang bermutu untuk pesakit. Ini termasuk pengurusan yang lebih baik bagi pesakit kronik dengan pelbagai penyakit serta sokongan bagi penjaga mereka.

Pusat kedua ialah Pusat Permainan bagi Inovasi Kesihatan yang juga dikenali sebagai ‘ALIVE’ dan diketuai LKCMedicine dan Hospital Tan Tock Seng (TTSH) yang berada di bawah naungan NHG.

Pusat itu mengamalkan kaedah di mana permainan diguna sebagai pencetus motivasi pesakit agar lebih bertanggungjawab terhadap kesihatan mereka melalui pendekatan yang lebih menyeronokkan.

Sementara itu, turut diumumkan ialah penyatuan antara keupayaan NHG dalam menangani penyakit berjangkit dengan kepakaran teknologi dan kejuruteraan-bio NTU yang memberi tumpuan kepada bidang penyelidikan dan pengembangan dalam pengurusan wabak, rawatan berasas bukti dan pemanfaatan penyakit berjangkit.